

# **Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah**

*Zaitul Azma Zainon Hamzah*

*Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia*

## **Abstrak**

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada penguasaan kecekapan berbahasa dan pemahaman tentang sistem bahasa itu. Tujuannya supaya murid-murid dapat menggunakan bahasa untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, meningkatkan daya intelek, menguasai kemahiran belajar, dan nilai hidup yang murni. Bagi murid-murid Melayu, proses mempelajari bahasa Melayu merupakan satu aktiviti yang berbentuk pengayaan atau pengukuhan untuk membolehkan murid-murid menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti lisan, bacaan dan tulisan dengan berkesan. Bagi murid-murid bukan Melayu, mempelajari Bahasa Melayu merupakan satu proses penguasaan terhadap sistem bahasa Melayu. Namun, kini terdapat beberapa permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang turut menjejaskan prestasi murid-murid dalam peperiksaan setara seperti PMR dan SPM. Permasalahan yang timbul ini ada kaitannya dengan minat murid-murid terhadap Bahasa Melayu serta cara pembelajaran Bahasa Melayu yang stereotaip. Justeru, kertas kerja ini cuba mengenal pasti permasalahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang dihadapi oleh murid-murid di sekolah, mengenal pasti punca permasalahan dan menyenaraikan cadangan untuk memantapkan cara pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah menengah. Seramai 522 orang murid-murid sekolah menengah dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 dan 4. dijadikan sampel kajian. Murid-murid ini dipilih daripada dua buah sekolah menengah di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor. Data kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif.

## **Abstracts**

Teaching and learning of Malay language emphasize in the mastery of language proficiency and understanding of the language system. The aim is to enable students to use language, which will assists to gain knowledge, improve the intellect, learning skills, and moral values. For the Malay students, the process of learning the Malay language is a form of enrichment activities, which enables the students to use the Malay language in oral activities, reading and writing effectively. For non-Malay students, learning

## PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

the Malay language are a process of learning the Malay language system. However, now there are some problems in teaching and learning of Malay language in schools that also affect the performance of students in the PMR and SPM examinations. The problem that arises is related to the interest of students towards learning the Malay language and the Malay language stereotypes. Thus, this paper attempts to identify the problems of teaching and learning of Malay language faced by the pupils at the school by identifying the causes of the problems and lists recommendations to strengthen the teaching and learning of Malay language among secondary school pupils. A total of 522 pupils of forms 2 and 4 secondary school were used as samples. Pupils were selected from two secondary schools in Putrajaya, Kuala Lumpur and Selangor. The data were analyzed qualitatively and quantitatively.

### **Pengenalan**

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa khususnya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Sementara itu Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Justeru matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan

Sejajar dengan itu, program Bahasa Melayu di sekolah menengah adalah bertujuan memberi penekanan kepada penguasaan kecekapan berbahasa dan pemahaman tentang sistem Bahasa Melayu. Oleh itu, untuk mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, para guru bahasa perlu mengatur strategi yang sesuai untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran (seterusnya dikenali sebagai P&P) bahasa agar dapat menarik minat murid-murid. Sejajar dengan itu aktiviti P&P bahasa

harus membolehkan murid-murid menyepadukan penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, dan sistem bahasa untuk menguasai kemahiran berbahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran bahasa. Dengan menguasai kemahiran bahasa murid-murid dapat menyatakan idea dengan menggunakan perkataan yang betul dari segi semantikanya, melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan serta berkebolehan untuk memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton .

Namun di sekolah, terdapat segelintir guru Bahasa Melayu mengajar aspek penggolongan kata dan ayat Bahasa Melayu secara terpisah sedangkan proses pembinaan ayat turut melibatkan penggunaan perkataan berimbuhan. Dengan demikian terdapat segelintir murid-murid yang berkebolehan menggunakan kata berimbuhan dalam latihan tatabahasa tetapi tidak berkebolehan menggunakan kata berimbuhan dengan tepat dalam aktiviti penulisan mereka. Hal ini semakin membimbangkan apabila masih terdapat murid-murid yang kurang menguasai aspek morfologi dan sintaksis. Justeru murid-murid ini sering melakukan berbagai-bagai kesilapan tatabahasa apabila mereka berada di sekolah menengah. Kajian Koh Boh Boon (1978) mendapati bahawa imbuhan dalam Bahasa Melayu merupakan rintangan yang serius dalam usaha murid-murid bukan Melayu untuk menguasai Bahasa Melayu dan mereka banyak membuat kesilapan penggunaannya. Kajian tentang kesilapan tata-bahasa dalam penulisan Bahasa Melayu oleh Kadir Amin (1981), mendapati kesalahan utama yang dilakukan oleh murid darjah enam dalam karangan mereka ialah kesilapan menggunakan tanda baca, penggunaan imbuhan, dan ejaan. Manakala kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2006) terhadap penguasaan semantik dalam kalangan murid-murid sekolah rendah mendapati penguasaan semantik dalam kalangan murid-murid Melayu masih di peringkat sederhana. Hal ini menyebabkan murid-murid ini sering membuat kesilapan tatabahasa malah murid-murid tidak dapat menggunakan perkataan yang tepat dalam karangan mereka, khususnya yang melibatkan penggunaan kata berimbuhan.

Selanjutnya berdasarkan keputusan PMR dan SPM dari tahun 2000 hingga 2007 jelas menunjukkan bahawa pencapaian Bahasa Melayu dalam kedua-dua peperiksaan adalah turun naik. Bagi keputusan PMR, peratusan tertinggi adalah pada tahun 2003 iaitu 95.0 % . Bagi SPM pula pencapaian tertinggi adalah pada tahun 2004, iaitu 91.2 % . Peratusan ini melibatkan kelulusan keseluruhan.

PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA  
MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

PMR	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Bahasa Melayu	92.5	91.5	93.5	95.0	93.2	92.3	92.7	93.1

SPM	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Bahasa Melayu	86.8	88.0	88.1	90.9	91.2	91.1	90.0	91.1

Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia

Berdasarkan sukatan pelajaran Bahasa Melayu, terbukti aspek tatabahasa yang meliputi fonologi, morfologi, dan sintaksis telah mula diajarkan kepada murid-murid sejak di tahun satu di sekolah rendah lagi dan berlanjutan hingga ke tingkatan enam. Namun, penguasaan aspek tatabahasa dalam kalangan murid-murid masih kurang memuaskan. Hal ini dimungkinkan oleh beberapa perkara yang perlu difikirkan.

Sejajar dengan itu kajian ini dijalankan oleh penulis untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu, mengenal pasti punca permasalahan dan menyenaraikan cadangan untuk meningkatkan kemahiran dan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah menengah.

Kajian telah dijalankan dalam kalangan murid-murid di Selangor, Putrajaya, dan Kuala Lumpur. Seramai 522 orang murid-murid sekolah menengah dalam kalangan murid-murid tingkatan 2 dan 4. dijadikan sampel kajian. Murid-murid ini dipilih daripada dua buah sekolah menengah di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor. Data kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif.

#### **Dapatan kajian dan Perbincangan**

Hasil kajian mendapati masih terdapat murid-murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran tatabahasa Bahasa Melayu dan masalah yang dihadapi mereka turut menjejaskan prestasi Bahasa Melayu murid-murid itu sendiri. Selanjutnya sistem morfologi Bahasa Melayu yang agak payah bagi sesetengah murid-murid, terutama dalam penggunaan kata sendi, kata berimbuhan dan kata hubung merupakan salah satu bahagian daripada aspek tata-bahasa yang perlu diberikan penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

#### **Permasalahan Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Aspek Tatabahasa**

Dalam kajian aspek tatabahasa, sebanyak 80 soalan tatabahasa diuji. Hasil kajian mendapati pelajar melakukan kesalahan tatabahasa dalam beberapa aspek-tatabahasa seperti kata hubung (item 64), kata sendi nama (item 69), dan antonim (item 39) yang masing-masing satu item. Penggunaan kata ganti nama sebanyak dua item (item 3 dan item 4) dan kata adjektif sebanyak 3 item iaitu (item 14, 16 dan 51), penjodoh bilangan







PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA  
MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

**Penggunaan perkataan yang tepat** (Item 37, 48, 50, 53, 54, 57, 68, 70, 73, 76, dan 79) .

**37** \_\_\_\_\_ penting itu akan disampaikan oleh Pengetua dalam mesyuarat yang bakal diadakan pada minggu depan.

- A Masalah  
B Makluman  
C Isu  
D Pengetahuan

Jawapan B	Selangor	Putrajaya/KL
Soalan B37	Peratus	Peratus
B	52.8	43.2
C	40.2	54.7
Mean	2.35	2.56

**48** Pembunuh yang berjaya diberkas itu akan \_\_\_\_\_ di mahkamah.

- A didakwa  
B ditanya  
C dituduh  
D dihukum

Jawapan C	Selangor	Putrajaya/KL
Soalan B48	Peratus	Peratus
A	84.3	88.4
C	2.4	
D	12.6	9.5
Mean	1.43	1.31

Daripada analisis untuk item 64 didapati semua murid-murid dari Putrajaya/ Kuala Lumpur tidak memahami penggunaan kata hubung ‘malahan’ dengan mencatat 0% betul. Untuk item 69, hanya 35.4% murid-murid dari Selangor dan 32.6% murid-murid dari Putrajaya/Kuala Lumpur yang memperoleh jawapan betul. Murid-murid dari Selangor (52%) dan Putrajaya/ Kuala Lumpur (52.6%) lebih cenderung memilih jawapan C iaitu ‘dalam’ untuk item 69. Hal ini menunjukkan penguasaan kata sendi ‘dari’ masih lemah dalam kalangan murid-murid di kedua-dua buah sekolah menengah ini.

Selain aspek morfologi, penguasaan aspek semantik juga didapati masih ditahap sederhana. Hal ini terbukti apabila murid-murid yang menjadi sampel tidak memperoleh peratus yang tinggi dalam latihan tatabahasa yang diberikan. Untuk item 39 didapati 44.9% murid-murid Selangor dan 46.3% murid-murid Putrajaya/ Kuala Lumpur yang memperoleh jawapan betul . Hasil temu bual pengkaji dengan murid-murid ini mendapati murid-murid keliru setelah perkataan ‘undur’ diberikan imbuhan. Hal ini menunjukkan

tahap penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid-murid ini masih sederhana.

Hasil kajian juga mendapati penguasaan kata ganti nama dalam kalangan murid-murid sekolah menengah di Selangor dan Putrajaya/ Kuala Lumpur adalah tidak seimbang. Hal ini terbukti apabila 63.8% murid-murid dari Selangor yang memperoleh jawapan yang betul untuk item 3 dan 94.5% untuk item 4 manakala murid-murid dari Putrajaya/Kuala Lumpur gagal (0%) memperoleh jawapan yang betul untuk kedua-dua item. Kelemahan ini berpunca dari penguasaan kata ganti nama yang lemah.

Seterusnya dapatan kajian mendapati pencapaian murid-murid dari Putrajaya/Kuala Lumpur adalah lebih tinggi dari pencapaian murid-murid dari Selangor untuk item 14 ( 69.5%) dan 16 (51.6%) yang melibatkan kata adjektif. Namun penguasaan penjodoh bilangan masih lemah dalam kalangan murid-murid yang menajdi sampel kajian. Untuk item 42, 34.6% murid-murid dari Selangor yang memperoleh jawapan yang betul dan 32.3 % untuk item 43 berbanding dengan murid-murid dari Putrajaya/Kuala Lumpur yang memperoleh 26.3 % untuk item 42 dan 41.1% untuk item 43.

Selain aspek morfologi, kajian juga mendapati penguasaan semantik dalam kalangan murid-murid sekolah menengah juga masih lemah. Berdasarkan item 48 hanya 2.4% murid-murid dari Selangor yang memperoleh jawapan yang betul manakala murid-murid dari Putrajaya/Kuala Lumpur gagal (0%) memperoleh jawapan yang betul. Hasil temu bual pengkaji dengan sampel kajian didapati murid-murid ini tidak dapat membeza makna perkataan 'didakwa' dengan perkataan 'dituduh'. Penguasaan makna perkataan yang lemah menyebabkan murid-murid ini keliru dan melakukan kesalahan dalam latihan tatabahasanya.

Sebagai rumusan didapati murid-murid dengan latar belakang bahasa ibunda yang berbeza, terutama yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu amat memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan untuk membolehkan mereka memahami dan menggunakan sesuatu perkataan dalam Bahasa Melayu dengan tepat dari segi prinsip dan semantikanya.

#### **Soalan Peribahasa**

Dalam soalan peribahasa, sebanyak 20 soalan yang diuji dan hasil kajian mendapati pelajar cenderung melakukan kesalahan untuk item 2, 13, 14,16 dan 20. Sila rujuk item yang berikut;

2 Fauzi berjaya mendapat kerja yang dicita-citanya di bandar. Akan tetapi, ibunya mahu dia tinggal di kampung untuk membantu ayahnya mengerjakan kebun mereka yang luas itu. Dia berasa sangat tersepit oleh keadaan itu. Keadaan ini dikatakan

A. yang dikejar tak dapat, yang dikandung berciciran.

B. laut mana yang tak berombak, bumf mana yang tak ditimpa hujan.

PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA  
MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

- C. hendak terbang tiada bersayap, hendak hinggap tiada berkaki.  
D. ditelan mati enak, diluahkan mati bapak.

Jawapan D	Selangor	Putrajaya/KL
Soalan P2	Peratus	Peratus
A	16.5	22.1
B	10.2	3.2
C	42.5	28.4
D	30.7	46.3
Mean	2.87	2.99

- 13 Peniaga itu mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan menaikkan harga barang di kedainya setelah pengumuman kenaikan harga minyak. Sikap peniaga itu dikatakan

- A potong leher.  
B kuku besi.  
C buruk laku.  
D tali barut.

Jawapan A	Selangor	Putrajaya/KL
Soalan P13	Peratus	Peratus
A	34.6	27.4
B	17.3	17.9
C	29.9	34.7
D	18.1	20
Mean	2.31	2.47

- 14 Hussin menyerahkan perniagaannya kepada anaknya tetapi anaknya tidak mengendalikan perniagaan tersebut dengan baik hingga dia diisytiharkan muflis. Sikap anaknya itu ibarat

- A rosak anak oleh menantu.  
B kain basah di pinggang.  
C hangat-hangat tahi ayam.  
D bunga disunting perdu ditendang.

Jawapan A	Selangor	Putrajaya/KL
Soalan P14	Peratus	Peratus
A	33.1	17.9
C	26.8	29.5
D	29.1	46.3
Mean	2.52	3.04

16 Di sebalik kata-katanya yang manis, terselit sindiran yang amat tajam ibarat

- A ringan mulut berat tulang.
- B lidah tidak bertulang.
- C bertanam tebu di bibir mulut.
- D lemak-lemak santan berlada.

Jawapan D	Selangor	Putrajaya/KL
Soalan P16	Peratus	Peratus
C	38.6	21.1
D	43.3	54.7
Mean	3.17	3.25

Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid-murid sekolah menengah juga didapati masih sederhana. Hal ini dibuktikan apabila hanya 30.7% murid-murid dari Selangor yang memperoleh jawapan yang betul untuk item P2, 34.6% untuk item P13, 33.1 % untuk item P14 dan 43.3% untuk P16. Manakala murid dari Putrajaya/Kuala Lumpur memperoleh 46.3% jawapan yang betul untuk item P2, 27.4% untuk item P13, 17.9% untuk item P14 dan 54.7 % untuk item P16. Hasil temu bual mendapati murid-murid tidak menguasai makna peribahasa kerana pendedahan secara menyeluruh tentang makna peribahasa kurang dilakukan di dalam kelas. Tambahan pula pelajaran peribahasa ini memerlukan murid-murid menghafal.

Dalam bahagian pemahaman, kajian juga mendapati murid-murid menghadapi kesukaran dalam mempelajari bahan teks tradisional. Berikut ialah maklum balas responden:

**Aspek Pemahaman**

Bil	Jenis bahan	JUMLAH (MURID-MURID)	PERATUS (%)
1	Novel	49	16.4
2	Cerpen	19	6.3
3	Puisi Tradisional	43	14.3
4	Puisi	34	11.3
5	Prosa Tradisional	75	25.0
6	Drama	36	12.0
7	Petikan Umum	44	14.7
	JUMLAH	300	100

Dalam bahagian pemahaman, kajian mendapati murid-murid menghadapi kesukaran untuk memahami prosa tradisional. Hal ini diperakui oleh 25.0 % orang responden, diikuti oleh novel sebanyak 16.4 % responden, petikan umum sebanyak 14.7% orang responden dan puisi tradisional sebanyak 14.3 % responden, drama 12.0 %, puisi (sajak) sebanyak 11.3 %, dan cerpen sebanyak 6.3 %.

## PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

Kesukaran ini ada kaitannya dengan tahap penguasaan semantik bagi kosa kata klasik. Sebagai contoh melalui, mastul, melela, pawana dan sebagainya. Selain itu, prosa tradisional didapati sukar dikuasai kerana peristiwa yang berlaku adalah di luar pengetahuan dan pengalaman murid-murid, ceritanya sukar difahami kerana mengandungi unsur mitos yang sukar hendak diterima, bersifat 'luar biasa' daripada kehidupan murid-murid berbanding dengan cerpen, puisi moden dan drama. Tambahan pula penerangan guru kurang difahami, tidak jelas, dan tidak menyeluruh.

Bagi pemahaman novel, responden menghadapi masalah untuk memahami dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan tema dan persoalan, plot, dan nilai dan pengajaran. Punca masalah ini timbul adalah disebabkan oleh masalah kekangan masa dan ketiadaan pendedahan awal terhadap teknik menjawab soalan Komsas. Selain itu, jumlah teks yang perlu dikaji juga menjadi salah satu punca murid-murid tidak mempunyai masa untuk membaca teks-teks Komsas ini lalu tidak meminati bahagian Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

### **Penulisan**

Dalam bahagian penulisan bahagian A, murid-murid dikehendaki menulis satu rumusan tentang usaha-usaha berkesan menangani disiplin pelajar dan kebajikannya dan dalam bahagian B murid-murid dikehendaki menulis karangan rangsangan tentang punca kemalangan jalan raya. Secara keseluruhan didapati masih terdapat murid-murid yang lemah dalam penyampaian isi karangan yang bernas, dalam pengujahan isi, dan penggunaan bahasa yang relevan dengan konteks dan tahap mereka. Perkaitan makna dengan penggunaan sarana kohesi nahan dan leksikal masih sederhana, malah aspek wacana dari segi pertautan yang meliputi aspek kohesi dan juga dari segi kesinambungan dan kesepaduan teks yang meliputi aspek koheren juga adalah sederhana.

Wacana ialah kesatuan bahasa yang lengkap dan paling tinggi dalam bentuk pertuturan dan penulisan yang memperlihatkan kesinambungan fikiran di dalamnya dan merujuk kepada komunikasi dalam konteks. Malah wacana ialah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi di atas ayat dengan koherensi dan kohesi yang tinggi dan berkesinambungan dari awal hingga akhir. Perkataan wacana menurut Kamus Dewan (2002)

bermaksud ucapan, pertuturan, percakapan, keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan keseluruhan terbitan atau hasil karya dalam sesuatu bahasa. Berdasarkan erti perkataan wacana di atas dapat disimpulkan bahawa perkataan wacana itu sama dengan perkataan ucapan yang utuh untuk wacana lisan, dan karangan yang utuh untuk wacana tulisan dalam pengajaran bahasa Melayu ini.

Salah satu unsur linguistik dalam wacana ialah pertautan atau perkaitan semantik yang meliputi aspek kohesi, serta kesinambungan dan kesepaduan teks kebahasaan atau koheren.

Menurut Halliday dan Hasan (1976) kohesi dicirikan kepada kohesi nahuan dan leksikal. Koheren ialah keseluruhan struktur semantik dan kesepaduan sesebuah teks pertuturan mahupun penulisan, dan pada asasnya ialah suatu keperluan wacana. Koheren merupakan konsep yang agak kabur dan sukar didefinisikan, tidak seperti kohesi yang dapat dilihat unsur-unsur linguistik permukaannya. Sesebuah karangan yang koheren memperlihatkan penggunaan sarana-sarana kohesi yang betul, sesuai dan membantu menjadikan karangan itu kohesif dan koheren, dan ini menunjukkan satu lagi dimensi yang perlu dikuasai dan murid-murid sekolah. Dengan kata lain, sesebuah karangan yang mantap perlu memperlihatkan persembahan idea yang jelas dan teratur, kesinambungan dan ketekalan idea, pendapat dan perspektif penulis, rujukan kepada idea terdahulu, manakala rujukan yang baru diperkenalkan hendaklah sesuai dan wajar, penekanan secara relatif terhadap idea utama dan sampingan, dan penyempurnaan teks dipersembahkan dengan gaya dan wacana yang teliti.

Sehubungan dengan itu, penulisan karangan yang baik harus memperlihatkan aspek koheren yang baik melalui penyampaian isi, organisasi, dan gaya persembahan seseorang itu. Kewujudan kohesi yang tepat penggunaannya membantu menjadikan sesebuah karangan itu kohesif dan koheren, (Halliday dan Hasan 1976). Manakala koheren dapat dikesan secara tidak sedar dalam sesebuah karangan oleh guru bahasa yang berpengalaman tanpa mengetahui istilah dan konsepnya. Begitu juga halnya dengan kohesi nahuan dan leksikal sebagai perkaitan makna dalam karangan. Sehubungan itu guru bahasa terutama yang berpengalaman seharusnya dapat menentukan karangan murid-murid yang baik dan lemah dari segi isi, organisasi, ke-satuan, kesinambungan, gaya persembahan, dan penggunaan bahasanya.

Ditinjau dari segi keupayaan dan kesukaran yang dihadapi oleh murid-murid dalam bidang penulisan berformat, hasil kajian mendapati bahagian penulisan yang dianggap paling sukar oleh murid-murid ialah penulisan karangan berbentuk pidato, iaitu syarahan, ceramah, ucapan, dan perbahasan iaitu sebanyak 23.7 %. Selain itu penulisan surat kiriman rasmi dan tidak rasmi juga dianggap sukar oleh sebilangan murid-murid, iaitu sebanyak 22.0 % untuk surat tidak rasmi dan 21.0 % untuk surat rasmi. Alasan yang diberikan oleh responden ialah kesempitan idea atau isi untuk ditulis bagi memenuhi jumlah perkataan yang ditetapkan. Justeru murid-murid berpendapat penulisan jenis ini tampak mudah tetapi sukar memperoleh markah yang tinggi, (Sila rujuk Jadual 5.19 yang berikut).

Bagi kategori penulisan tidak berformat, penulisan karangan jenis fakta dianggap paling sukar, iaitu sebanyak 27.6 % diikuti oleh penulisan perbincangan, ulasan, dan pendapat yang melibatkan sebanyak 21.0 % responden. Penulisan yang paling rendah tahap kesukarannya dalam kalangan responden ialah penulisan jenis berita, iaitu sebanyak 7.0 %, diikuti

PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA  
MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

oleh karangan peribahasa sebanyak 13.0 %. Alasan yang diberikan oleh responden ialah penulisan berita mudah dipelajari melalui pembacaan di akhbar-akhbar tempatan manakala penulisan jenis peribahasa adalah berbentuk stereotaip, (Sila rujuk Jadual 5.20 yang berikut).

**Penulisan (Karangan Berformat)**

Bil	Jenis	JUMLAH (MURID- MURID)	PERATUS ( % )
1	Surat kiriman rasmi	63	21.0
2	Surat tidak rasmi	66	22.0
3	Laporan	55	18.3
4	Wawancara dialog	45	15.0
5	Pidato (Syarahan, ceramah,ucapan,perbahasan )	71	23.7
	JUMLAH	300	100

**Penulisan (Karangan Tidak Berformat)**

Bil	Jenis	JUMLAH (MURID- MURID)	PERATUS ( % )
1	Rumusan	98	32.7
2	Meringkas karangan	134	44.7
3	Karangan berpandu	68	22.6
	JUMLAH	300	100

**Bahagian Meringkas Karangan**

Bil	Jenis	JUMLAH (MURID- MURID)	PERATUS ( % )
1	Berita	21	7.0
2	Fakta/Penerangan	83	27.6
3	Perbincangan/Ulasan/pendapat	63	21.0
4	Cereka	47	15.7
5	Keperihal/gambaran	47	15.7
6	Karangan peribahasa	39	13.0
	JUMLAH	300	100

Jadual 5.21

Bagi bahagian kedua, bahagian meringkas karangan mencatatkan kesukaran yang tertinggi iaitu sebanyak 44.7% diikuti oleh rumusan karangan sebanyak 32.7% dan karangan berpandu sebanyak 22.6%. Kesukaran yang dihadapi oleh murid-murid dalam bahagian ini adalah dari segi keupayaan mereka untuk mengeluarkan idea dengan menggunakan perkataan sendiri. Murid-

murid sering menyalin perkataan daripada petikan yang diberikan tanpa mengolah isi penting dengan menggunakan perkataan sendiri.

Secara keseluruhan, kesukaran yang dialami oleh murid-murid dalam penulisan adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut:

a. Pengalaman.

Tidak ada pengalaman menulis surat tidak rasmi. Justeru mereka tidak dapat memikirkan isi yang harus ditulis untuk mencapai jumlah perkataan yang ditetapkan. Tambahan pula murid-murid sekarang lebih cenderung menggunakan telefon untuk berkomunikasi.

b. Keyakinan

Tidak yakin untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan surat rasmi dan tidak rasmi kerana penulisan surat kiriman rasmi dan tidak rasmi dirasakan terlalu mudah dan hal ini berkemungkinan akan menjejaskan markah yang diperoleh.

c. Tidak menguasai teknik penulisan karangan.

Tidak tahu hendak memulakan karangan dan mengembangkan isi mengikut peringkat dan perenggan. Murid-murid sering mengulangi isi yang sama dalam perenggan yang berikutnya. Dengan kata lain, murid-murid cenderung mengupas isi yang sama dalam beberapa perenggan. Selain itu, terdapat segelintir murid-murid yang tidak mampu mempersembahkan isi karangan dengan teratur serta tidak mengemukakan contoh atau bukti yang baik.

d. Penggunaan bahasa

Terdapat sebilangan murid-murid yang tidak berkebolehan menggunakan bahasa yang tepat, padat dan bermakna mengikut konteks dan tahap umur. Bahasa yang digunakan adakalanya terlalu mudah dan adakalanya tidak sesuai dan mengelirukan murid-murid sendiri terutama yang melibatkan perkataan berimbuhan, kata nama terbitan, kata sendi nama dan penanda wacana.

Selain alasan di atas terdapat juga beberapa sebab lagi yang menyebabkan murid-murid menghadapi kesukaran dan masalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Antaranya adalah seperti yang berikut:-

a. Dari segi Pengajaran Bahasa di sekolah

PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA  
MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

Bil	Penyataan	Sangat setuju/Setuju (100%)	Tidak Pasti (100%)	Tidak setuju (100%)
1	Guru bukan opsyen BM	26.7	33	40.3
2	Tidak menguasai aspek tatabahasa dengan baik	23.0	44.3	32.7
3	Aktiviti pengajaran tidak menarik	43.7	31.7	24.6
4	Tidak memberikan penekanan lanjut terhadap aspek kesalahan tatabahasa	63.0	25.3	11.7
5	Tidak mendedahkan cara penulisan karangan dengan mantap	42.3	29.7	28.0
6	Kaedah dan teknik pengajaran yang sama dan menjemukan	39	35.3	25.7
7	Banyak menggunakan bahan daripada buku teks	45.7	22.6	31.7
8	Mudah memahami makna perkataan, ayat dan peribahasa jika guru menyenaraikan maknanya	76.5	12.2	11.3
9	Kamus dapat membantu dalam pembelajaran bahasa	62.4	14.5	23.1
10	Masa Bahasa Melayu tidak dipatuhi	26.3	28.7	45.0
11	Terdapat penggunaan bahan media dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa	19.7	23.6	56.7
12	Subjek Bahasa Melayu tidak penting dalam zaman global.	26.8	33.2	40.0

Berdasarkan data di atas walaupun 26.7% mengatakan kesukaran mempelajari Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh guru yang mengajar bahasa adalah terdiri dalam kalangan guru yang bukan opsyen bahasa namun begitu 40.3% responden menyatakan tidak setuju dengan alasan ini. Pada pendapat responden, setiap guru yang mengajar bahasa walaupun bukan dalam kalangan guru yang opsyen, seharusnya menguasai aspek tatabahasa dengan baik. Sehubungan dengan itu, 44.3% responden menyatakan tidak pasti sama ada guru bahasa mereka menguasai aspek tatabahasa dengan baik atau tidak.

Seterusnya, untuk pernyataan ketiga, iaitu aktiviti pengajaran bahasa yang tidak menarik, 43.7% responden menyatakan setuju. Hal ini turut mempengaruhi minat murid-murid untuk mempelajari bahasa Melayu dengan baik. Minat dan penguasaan bahasa oleh murid-murid turut dipengaruhi oleh kaedah penyampaian guru di dalam kelas. Hal ini dapati dikaitkan dengan pernyataan keempat, apabila sebanyak 63.0% responden menyatakan setuju bahawa guru bahasa tidak memberikan penekanan lanjut terhadap aspek kesalahan tatabahasa. Menurut responden, guru seharusnya memberikan maklum balas atau penerangan yang jelas pada setiap kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid-murid dan membetulkan kesalahan bahasa murid-murid tersebut supaya murid-murid tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa yang akan datang.

Dalam bahagian penulisan, 42.3 % responden menyatakan guru tidak mendedahkan cara penulisan karangan dengan mantap, manakala bagi pernyataan keenam, 39.0 % responden menyatakan setuju bahawa guru menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang sama dan menjemukan. Hal ini tidak selaras dengan Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah yang menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar oleh guru supaya dapat meningkatkan minat murid terhadap pelajaran bahasa .

Bagi pernyataan ketujuh, sebanyak 45.7 % responden yang setuju bahawa guru bahasa mereka banyak menggunakan bahan daripada buku teks sahaja. Menurut responden, bahan-bahan semasa daripada majalah dan akhbar perlu juga digunakan dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk membolehkan mereka menguasai perkembangan bahasa yang terkini. Bagi pernyataan kelapan, 76.5 % responden setuju bahawa mereka mudah memahami makna perkataan, ayat dan peribahasa jika guru terlebih dahulu memberikan penerangan terhadap maknanya. Hal ini demikian kerana kebanyakan murid-murid tidak membawa kamus ke sekolah dan kamus yang disediakan di perpustakaan adalah terhad terutama kamus peribahasa. Dari segi penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa, 62.4 % responden menyatakan setuju bahawa kamus dapat membantu proses pembelajaran Bahasa Melayu. Dari segi masa pelajaran Bahasa Melayu pula, sebanyak 45.0 % menyatakan tidak setuju bahawa masa Bahasa Melayu tidak dipatuhi, iaitu digunakan untuk agenda lain.

Bagi pernyataan kesebelas, 56.7 % responden menyatakan tidak terdapat penggunaan bahan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu masih belum begitu meluas. Bagi pernyataan kedua belas, sebanyak 45.0 % responden yang menyatakan tidak setuju bahawa subjek Bahasa Melayu adalah tidak penting dalam zaman global. Alasan yang diberikan oleh responden ialah Bahasa Melayu perlu dijadikan subjek utama di Malaysia di samping Bahasa Inggeris supaya rakyat Malaysia mempunyai identiti sendiri.

Secara keseluruhan, faktor guru dan pengajaran guru masih menjadi faktor yang utama dalam meningkatkan prestasi pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Namun begitu tidak dinafikan bahawa faktor ketrampilan dan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid-murid juga harus ada supaya pengajaran guru lebih memberikan kesan positif.

#### **Cadangan untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu**

Daripada dapatan kajian, ternyata P&P Bahasa Melayu perlu dimantapkan dari penggunaan pelbagai kaedah mengajar yang kontemporari supaya teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid dapat

## PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

dipraktikkan. Hal ini demikian kerana keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik, serta penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berinteraksi serta berfikir secara kritis dan kreatif. Justeru pengkaji menyarankan pendekatan semantik dan pragmatik (SPA) diterapkan dalam P&P Bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Melalui penggunaan teknologi maklumat, modul bahasa Melayu yang menekankan pendekatan semantik dan pragmatik (SPA) dibentuk bagi membolehkan pelajar menguasai makna perkataan dalam pelbagai aspek kebahasaan. Seterusnya melalui pendekatan SPA, pelajar dapat menguasai aspek komunikatif yang mementingkan aspek penggunaan bahasa yang sesuai mengikut konteks. Sementelahan, sistem pendidikan sedia ada perlu dimantapkan selaras dengan perkembangan era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Beberapa penambahbaikan dalam pelbagai aspek perlu dilakukan supaya ianya berdaya saing dan relevan dengan kehendak semasa.

### **Pendekatan Semantik dan Pragmatik (SPA)**

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, pendekatan semantik-pragmatik (semantik dan pragmatik) menekankan aspek makna dengan mempertimbangkan makna pada peringkat perkataan, ayat, di samping aspek-aspek yang bukan linguistik, seperti kebudayaan, konteks, perkataan atau ayat itu diujarkan atau digunakan, aspek-aspek psikologi penutur, alam pemikirannya, hubungan sosial antara penutur dan pendengar, tajuk perbincangan, dan sebagainya. Hal ini kerana semua perkara-perkara ini amat mempengaruhi makna.

Melalui pendekatan ini, pengajaran bahasa dijalankan seperti yang berikut:

- a. Pengajaran bahasa diajarkan secara lisan terlebih dahulu kemudian diikuti oleh bacaan dan tulisan.
- b. Aspek bahasa yang diperkenalkan itu diberikan makna mengikut situasi yang digunakan. Pemilihan perkataan (perbendaharaan kata) harus sesuai supaya perkataan yang digunakan itu berfungsi dan bermakna.
- c. Ciri dan aspek bahasa yang dipelajari dan dipraktikkan adalah berdasarkan makna sebenar dan konteks.
- d. Item-item tatabahasa diperingkatkan mengikut prinsip-prinsip yang bermula dari bentuk yang mudah kepada yang susah, rumit dan kompleks.
- f. Aktiviti bacaan dan tulisan juga harus mengutamakan aspek makna supaya dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan boleh dipraktikkan ketika menjawab soalan pemahaman dan penulisan dengan berkesan mengikut situasi, tajuk, dan bahan yang digunakan.

Dengan kata lain, pendekatan ini memfokuskan tiga kemahiran bahasa, iaitu;


1. Penggunaan bahasa untuk tujuan lisan seperti menyampaikan ucapan,

- membuat makluman, permintaan, membuat janji, dan juga tuntutan.
2. Membuat penyesuaian atau membuat pertukaran bahasa berdasarkan konteks, situasi, dan keperluan pendengar untuk aktiviti pemahaman .
3. Mematuhi peraturan dan format penceritaan, perbualan, penulisan dalam menyampaikan maklumat.

### Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dijalankan seharusnya dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan pengetahuan nahu dan kecekapan berbahasa dalam kalangan pelajar. Aktiviti-aktiviti yang dirancang ini perlu disusun dengan rapi agar aktiviti pembelajaran dapat dijalankan secara bermakna dan berkesan. Aktiviti-aktiviti tersebut dikategorikan dalam aktiviti lisan, bacaan dan penulisan.

### Pendekatan SPA dalam Pengajaran bahasa Melayu



Sumber: Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007)

### Implikasi dapatan kajian

Daripada kajian yang dijalankan, didapati untuk meningkatkan penguasaan dan prestasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah amat memerlukan kerjasama semua pihak. Faktor guru menjadi faktor utama dalam usaha meningkatkan penguasaan dan prestasi Bahasa Melayu

## PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH

ini. Sehubungan itu, pelbagai cara boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Mempraktiskan pendekatan semantik dan pragmatik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Melalui pendekatan semantik dan pragmatik guru dapat meningkatkan pengetahuan nahu dan aspek kecekapan bahasa sekali gus. Dengan yang demikian murid-murid akan beroleh pengetahuan tentang penggunaan bahasa mengikut konteks, yang melibatkan aspek morfologi, semantik, dan sintaksis serta kecekapan berbahasa dengan cara berkesan. Guru juga boleh mendedahkan penggunaan kosa kata baru dan maknanya dalam konteks yang pelbagai. Selain itu, aspek semantik, pragmatik dan sosiolinguistik dapat dikuasai oleh murid-murid dengan berkesan terutama yang melibatkan penggunaan sesuatu perkataan, frasa, ayat, dan penanda wacana penggunaan kiasan seperti perumpamaan, bidalan, pepatah dan sebagainya. Selain itu, arahan soalan juga dapat dijelaskan oleh guru agar murid-murid dapat memberikan jawapan yang relevan dengan kehendak soalan. Dengan itu, murid-murid akan dapat menuliskan jawapan mereka dengan tepat.

Di samping itu, bahan media sama ada bercetak ataupun elektronik boleh menggerakkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan cara menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan. Bahan media yang bermutu tinggi dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang beraneka rupa. Sehubungan itu, murid-murid harus sentiasa bersedia dan menunjukkan minat untuk belajar dan membantu menyumbang sebanyak mungkin idea untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan. Sikap murid-murid yang sentiasa aktif merupakan faktor penting dalam proses pembelajaran bahasa. Selain itu, murid-murid juga perlu membaca karya kreatif seperti cerpen dan novel yang sesuai dengan tahap umur mereka untuk membolehkan mereka menguasai aspek bahasa dari segi makna dan budayanya dengan lebih berkesan lagi.

### **Kesimpulan**

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu akan bermakna jika semua aspek yang diajarkan dapat dikuasai oleh murid-murid. Untuk menguasai aspek bahasa, murid-murid perlu menguasai bidang morfologi, sintaksis dan semantik dengan berkesan. Oleh yang demikian, aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu harus menggunakan pendekatan dan kaedah yang kontemporari. Sementara itu, kedudukan Bahasa Melayu dalam konteks rasmi dan tidak rasmi harus juga dipelihara untuk memberikan keyakinan kepada murid-murid di sekolah. Hal ini akan mendorong kepada pembentukan jati diri dalam kalangan generasi muda terhadap bahasa Melayu, dan secara tidak langsung akan merangsang seseorang murid-murid itu untuk menggunakan bahasa Melayu dalam semua bentuk komunikasi termasuk perbualan, penulisan dan penghujahan dengan lebih

yakin dan tepat . Keupayaan komunikatif seseorang akan terserlah melalui penggunaan bahasa yang bermakna dan berkesan.

### Rujukan

- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Kamus Dewan (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Boh Boon (1978), *The Teaching of Malay Affixes*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Kadir Amin (1981), " Satu Analisis Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia Murid-murid Melayu Darjah Enam di Dua Buah Sekolah Rendah di Melaka." Tesis M.Ed. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mora J.K.(2002). *Teaching Concept and Vocabulary: Principle and Strategies*. Retrieved on July 12,2004 from <http://www.coe.sdcu.edu/people/jmora/ConceptsTch.htm>
- Tengku Sepora Tengku Mahadi and Mohamed Andou Moindjie (2004). "Learning Malay Language As a Foreign Language: The Universiti Sains Malaysia Experience". *Proceedings of the First International Language Learning Conference 2004*. Penang: Universiti Sains Malaysia, 414-426.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2006). "Pendekatan, Kaedah dan Pengukuhan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Semula Tahap Keberkesanannya". *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu ke-2*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah et.al .(2007) " *The Inclusion of Semantic and Pragmatic Approach in the Teaching of The Malay Language*" *The International Journal of Learning*, Volume 14, : Coomon Ground Publishing Pty.Ltd Melbourne, Australia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2008) " *Writing materials as a teaching aids in the teaching of ml as a second language and a foreign language*" " . Prosiding Seminar Antarabangsa IMMICON, Universiti Multimedia Malaysia pada 17 –19 Mac 08 di Hotel Hiton, Petaling Jaya.